

Pak Lah jamin LIMA akan terus dianjurkan

UM 1 - OCT 2003

LANGKAWI 30 Sept. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan peribadi bahawa kerajaan komited untuk terus menganjurkan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) pada masa akan datang.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau telah berbincang dengan Abdullah mengenai perkara tersebut dan Timbalan Perdana Menteri menyatakan komitmen kerajaan untuk meneruskan penganjuran acara dwi tahunan itu.

Abdullah yang bakal menggantikan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri penghujung Oktober ini menurut beliau, telah memberitahunya, bahawa legasi penganjuran LIMA yang diilhamkan oleh Dr. Mahathir itu akan diteruskan.

"Saya telah berbincang dengan Abdullah dan beliau telah menyatakan jaminan peribadinya bahawa kerajaan komited untuk meneruskan penganjuran LIMA pada masa depan," katanya.

Najib berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian LIMA 2003 (LIMA '03) di Dewan Pameran Antarabangsa

Mahsuri yang menjadi venue bagi segmen udara, di sini hari ini.

Katanya, LIMA dianggap sinonim dengan Dr. Mahathir kerana perkembangan dan kejayaan pe-

nganjuran acara itu seringkali dikaitkan dengan visi dan kepimpinan beliau.

"Ia bukan sekadar satu ucapan sahaja tetapi merupakan

satu fakta yang perlu diiktiraf dan direkodkan," katanya.

Sejajar dengan itu beliau berharap semua pihak termasuk syarikat-syarikat yang mengam-

bil bahagian dalam LIMA akan terus memberikan sokongan terhadap acara yang berprestij itu.

Katanya, bagi segmen udara lebih 600 pempamer daripada 25 negara menyertai LIMA kali ini.